

Imbas pengajaran lalu – Jenis-Jenis Ayat

Latihan : Namakan jenis-jenis ayat bagi ayat di bawah ini.

<u>Ayat Seru</u>	<u>Ayat Tunggal</u>	<u>Ayat Tanya</u>	<u>Ayat Majmuk</u>	<u>Ayat Perintah</u>
------------------	---------------------	-------------------	--------------------	----------------------

1	Siapakah yang tinggal di rumah itu?	
2	Abang saya mencuci kereta sambil mendengar radio.	
3	Amboi, cantiknya baju awak!	
4	Silalah datang ke rumah saya.	
5	Saya suka membaca buku komik,	

TANDA BACA

Tanda baca digunakan untuk melengkapi ayat. Tanda baca dalam ayat memberi isyarat kepada pembaca untuk membaca mengikut intonasi yang sesuai.

Tanda baca	Penggunaannya	Contoh ayat
Tanda koma (,)	Mengasingkan kata yang sama jenis dalam ayat	Emak membeli sayur, ikan dan daging di pasar.
	selepas kata seru	Wah, tingginya bangunan itu!
	Sebelum penutup kata (.....)	"Murid-murid sila beratur di padang," kata cikgu.

Tanda noktah (.)	Diletak di akhir ayat	Saya berumur 10 tahun.
Tanda tanya (?)	Diletak di akhir ayat tanya	Ke manakah kamu pergi semalam?
Tanda seru (!)	Diletak di akhir ayat seru/seruan	Aduh, sakitnya perut saya!
Tanda petik (".....")	Diletak pada awal dan akhir perbualan/percakapan	"Saya suka makan aiskrim," kata Aiman